

MAINS seru berwakaf demi survival Muslim

Kerjasama dengan Sinar Islam Plus terbitkan Podcast POV SI+

Oleh NOR FATIN FATIHAH HUSSIN

DALAM Islam selain berzakat, hibah dan sedekah, ada satu lagi instrumen yang amat penting iaitu Wakaf. Melaluinya, harta umat Islam akan disalurkan ke tempat yang betul dan tiba ke sasaran yang tepat.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Ustaz Zainal Said. Ujarnya, amalan berwakaf menjanjikan pahala berkekalan, selagi mana harta yang diwakafkan itu memberi manfaat kepada ummah.

Dalam sebuah hadis masyhur yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, Nabi Muhammad SAW bersabda "Apabila seorang anak Adam mati putuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain dan anak yang soleh yang berdoa



USTAZ
ZAINAL SAID



PODCAST.. Hos, Azman Mohd Nawawi (kiri) dan Ustaz Don fokus mendengar hujah yang dilontarkan oleh Ustaz Bukhari.

untuknya." (Hadis Riwayat Muslim) "Imam al-Nawawi mentafsirkan kalimah sedekah jariah dinyatakan dalam hadis ini sebagai amalan wakaf.

"Jelas sekali, hanya amalan wakaf memiliki ciri sedekah yang sentiasa mengalir tanpa terhenti di tangan penerima sedekah sahaja," katanya kepada Sinar Islam Plus.

Begitu hebat amalan berwakaf sehingga syariat Islam mengiktirafnya sebagai

amal kebajikan yang sangat digalakkan.

Bagi menyebarkan lagi seruan agar Muslimin mengaktifkan diri berwakaf, buat julung kalinya, MAINS dengan kerjasama Sinar Islam Plus (SI+) telah menerbitkan dua episod Podcast POV SI+ yang disiarkan pada 15 Julai lalu, manakala episod berikutnya akan menemui penonton pada awal Disember nanti.

Episod pertama dengan judul "Wakaf: Hebatnya Erti Memberi" telah menampilkan dua panel iaitu pendakwah terkenal yang juga Duta Wakaf MAINS, Ustaz Don Daniyal Don

Biyajid dan Penolong Pengarah Jabatan Wakaf MAINS, Ustaz Bukhari Safian. Program 30 minit itu dihoskan oleh Editor SI+, Azman Mohd Nawawi.

Apabila melibatkan perihal wakaf, persoalan yang sering timbul adalah, adakah ia mempunyai batas sempadan seperti zakat atau boleh dilakukan di mana-mana sahaja.

Menerusi siaran Podcast POV SI+, Ustaz Don memberikan pencerahan. Jelasnya, berwakaf tidak sama dengan zakat kerana zakat mempunyai had sempadan negeri manakala wakaf pula tiada.

"Jadi, tidak kira anda berada di mana, anda boleh berwakaf, hukumnya masih sah dan tiada had sempadan," jelasnya.

Dalam pada itu, bagi memudahkan umat Islam berwakaf, Ustaz Bukhari turut menjelaskan pelbagai kaedah boleh digunakan.

"Bagi pihak MAINS, terdapat empat cara yang disediakan untuk berwakaf, iaitu pertama pewakaf boleh hadir ke mana-mana pejabat MAINS atau membuat temu janji. Kedua, dengan menghubungi hotline MAINS 013-7743662.

"Kaedah ketiga melalui pemotongan gaji bulanan serendah RM5 secara automatik. Dan terakhir berwakaf melalui online banking dengan melayari laman web www.MAINS.gov.my," untkannya.